

**Dr. M semarakkan semangat calon
Utusan Online
22 April, 2013**

ALOR SETAR 21 April - Kehadiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Bilik Gerakan Barisan Nasional (BN) Parlimen Alor Setar di sini malam tadi menyemarakkan lagi semangat semua calon BN dalam Parlimen ini untuk memastikan kemenangan 100 peratus parti itu di kawasan tersebut.

Bagi calon-calon berkenaan, kemunculan Dr. Mahathir yang dilahir dan dibesarkan di Alor Setar serta kaya dengan pengalaman untuk berkempen, memberikan nasihat dan pandangan merupakan satu suntikan semangat kepada mereka untuk berusaha dengan lebih gigih demi menjamin kemenangan parti.

Bagi Parlimen Alor Setar, BN mempertaruhkan muka lama iaitu Datuk Seri Chor Chee Heung dan Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah yang mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bakar Bata bersama dua muka baharu sekali gus menjadi gandingan terbaik parti tersebut pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Mereka akan berkerjasama dengan Ketua Wanita UMNO Bahagian Alor Setar, Sharifah Maznah Syed Kassim Barakbah dan Setiausaha MCA Kedah, Loh Gim Hooi yang dicalonkan untuk bertanding buat kali pertama masing-masing di kerusi DUN Alor Mengkudu dan DUN Kota Darul Aman.

Chee Heung berkata, Dr. Mahathir merupakan seorang tokoh politik yang sentiasa memberi galakan kepada ahli BN supaya bekerja kuat demi parti dan rakyat.

"Oleh itu jangan kita hampakan harapan beliau untuk memastikan kemenangan BN bagi mengambil alih pentadbiran negeri ini daripada pakatan pembangkang dan memperoleh majoriti dua pertiga di peringkat Parlimen," katanya ketika berucap dalam Pentas Pemuda Bersama Calon-calon BN di bilik gerakan berkenaan.

Sementara itu Ahmad Bashah berkata, kesudian Dr. Mahathir berkunjung ke bilik gerakan berkenaan menjadi satu sokongan moral kepada jentera BN untuk menggempur lawan habis-habisan.

"Saya percaya kehadiran beliau yang begitu banyak jasa kepada negara untuk memberi amanat kepada kita malam ini (malam tadi) bagi menentukan keempat-empat kerusi menjadi milik BN," katanya.

Sharifah Maznah pula berkata, jentera dan penyokong BN harus mempunyai semangat yang kuat, berani dan bertenaga untuk merampas kembali pentadbiran Kedah daripada pembangkang.

"Kita harus tanam semangat dan keyakinan bahawa hanya BN berjuang untuk agama bangsa dan negara. Kita juga perlu memberi keyakinan kepada BN kerana ia satu-satunya parti yang berjaya membangunkan negara ini dari dahulu hingga sekarang," katanya.

Gim Hooi pula berharap rakyat Kedah tidak lagi memilih pakatan pembangkang untuk mentadbir sebaliknya memberi kepercayaan kepada BN yang terbukti mempunyai rekod cemerlang memajukan negara dan membela nasib rakyat.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130422/px_65/Dr-M-semarakkan-semangat-calon#ixzz2Zu4RbRKg

© Utusan Melayu (M) Bhd